



**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG**  
**PEKELILING KETUA PENGARAH BILANGAN 8 TAHUN 2010**

**PERLAKSANAAN DAN PENETAPAN GRED JAWATAN PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT  
/ SETIAUSAHA PEJABAT.**

**1. TUJUAN**

Pekeliling Ketua Pengarah ini bertujuan memaklumkan dan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk menetapkan gred jawatan dan kadar elaun Pembantu Setiausaha Pejabat / Setiausaha Pejabat Gred N17, N22, N27 / 28, N32, N36 berikutan pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 27 Tahun 2009 bertajuk Skim Perkhidmatan Pembantu Setiausaha Pejabat / Setiausaha Pejabat.

**2. TAKRIF**

**“Pihak Berkuasa Berkanun”**

Bermakna Lembaga Pertubuhan Peladang.

**“Pegawai Awam”**

Bermakna anggota atau penjawat yang menyandang jawatan dan berkhidmat dengan Lembaga Pertubuhan Peladang.

### 3. KEPUTUSAN

Adalah diputuskan bahawa menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 01 Tahun 2010 – Perlaksanaan Dan Penetapan Gred Jawatan Pembantu Setiausaha Pejabat / Setiausaha Pejabat.

### 4. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Ketua Pengarah ini, Pekeliling Ketua Pengarah Bil.15 Tahun 2008 – Dasar Dan Perlantikan Secara Peminjaman Dan Pertukaran Sementara dan Pertukaran Tetap adalah **dibatalkan**

### 5. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Ketua Pengarah ini berkuat kuasa mulai **01 Januari 2010**.

Sekian, terima kasih

**(DATO' MARIAM MAS BINTI YAACOB)**

Ketua Pengarah

Lembaga Pertubuhan Peladang

April 2010

Edaran kepada:

- Semua Timbalan Ketua Pengarah
- Semua Pengarah Bahagian
- Semua Pengarah LPP Negeri
- Pengurus Cawangan Audit Dalam
- Ketua Cawangan Undang-Undang